



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 9 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	'AKAN BINCANG ATASI SITUASI INI', LOKAL, HM -19 KPDNHEP BINCANG BERSAMA MAFI, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	TENGGIRI JERUK DARI RESIPI ARWAH IBU, BISNES SINAR, SH -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	TERPAKSA JUAL NASI LEMAK TANPA TELUR, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -8 PERAK JUAL AYAM RM4 SEEKOR MELALUI KEDAI BERGERAK, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -8 DEDAK MAHAL, LEBIH 200 PENTERNAK BAKAL GULUNG TIKAR, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -8 RUGI RM4 JUTA SEHARI, LOKAL, HM -18 SINGGAH BANYAK KEDAI SUPAYA BEKALAN CUKUP, LOKAL, HM -18 PENGEDAR HADKAN BELIAN PEMBORONG, LOKAL, HM -18 PEMBELIAN PANIK JEJAS TELUR DI PASARAN, LOKAL, HM -18 BEKALAN TELUR BAKAL SUSUT 3 JUTA SEHARI, NEGARA, KOSMO -3 NASIB 1,500 PENTERNAK BAGAI 'TELUR DI HUJUNG TANDUK', DALAM NEGERI, UM -10 BEKALAN TELUR TERPUTUS DI TELUK INTAN, DALAM NEGERI, UM -30 'PASTIKAN TELUR AYAM CUKUP KETIKA RAMADHAN, SYAWAL', NASIONAL, BH -14 PEMBELIAN PANIK JEJAS BEKALAN DI TERENGGANU, NASIONAL, BH -14 PENTERNAK HARAP SEGERA BERI SUBSIDI DEDAK AYAM, NASIONAL, BH -14 TELUR KURANG SETIAP KALI MUSIM PERAYAAN, MUKA DEPAN, KOSMO -1 ISU SAMA TIAP KALI MUSIM PERAYAAN, NEGARA, KOSMO -2 HARGA DEDAK MAKIN MAHAL JADI ALASAN PALING 'SELAMAT', NEGARA, KOSMO -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PENIAGA Hana Izwanie Mamat menjual telur ayam kepada pelanggan ketika tinjauan di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Oleh Roselan Ab Malek  
am@hmetro.com.my

### Jerantut

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) untuk mencari penyelesaian isu kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, perbincangan dijangka diadakan dalam tempoh terdekat dalam usaha mengurangkan beban rakyat.

Menurutnya, pihaknya menerima pelbagai rungutan orang ramai susulan kekurangan bekalan telur ayam di pasaran khususnya menjelang Ramadan dan

## KEKURANGAN BEKALAN TELUR AYAM

# 'Akan bincang atasi situasi ini'

*KPDNHEP anjur pertemuan dengan Mafi cari penyelesaian dalam tempoh terdekat*

Syawal tidak lama lagi.

"Jika (isu) harga sudah ada tetapi bekalan tiada, akan timbul masalah. Kita akan pastikan kedua-dua isu ini diselesaikan."

"Jadi kita akan bincang untuk atasi situasi ini," katanya ketika ditemui selepas perasmian stesen minyak Five Petroleum Malaysia di Batu

Balai di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi syarikat itu, Datuk Juhari Abdul Ghani dan Pengarah Urusannya, Datuk Seri Dr King Lim.

Menurutnya, kerajaan mengambil berat masalah dihadapi mereka yang berkaitan seperti pengusaha biskut raya kerana memer-

lukan bekalan telur ayam lebih banyak berbanding pengguna isi rumah.

"Ia berikutan pertambahan permintaan memandangkan ramai peniaga dan pengusaha menjalankan perniagaan makanan, malah rakyat Malaysia menggunakan 30 juta telur sehari," katanya.

# Terpaksa jual nasi lemak tanpa telur

Peniaga mengalami kerugian sebanyak 30 peratus sejak bekalan telur ayam terganggu dua minggu lalu

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

**B**ekalan telur ayam yang terhad dan harganya terus meningkat di sesetengah tempat menjedakan peniaga serta orang ramai yang bergantung kepada bahan mentah tersebut.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kedai runcit dan pasar raya di Seksyen 30 serta 31 di sini, pada Selasa, mendapati bekalan telur ayam tidak konsisten sejak dua minggu lalu.

Dari segi harga pula, didapati peniaga menjual telur ayam mengikut ketetapan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Seorang peniaga di Seksyen 30 di sini, Muhd Amareza Abu Bakar, 26, mengakui terpaksa menjual nasi lemak tanpa telur ayam kerana terputus bekalan sejak dua minggu lalu.

"Saya berniaga nasi lemak waktu pagi dan petang. Jadi kalau pagi dah habis, saya terpaksa jual



Rak telur ayam kosong di sebuah pasar raya di Seksyen 31, Shah Alam.

nasi lemak tanpa telur pada waktu petang. Pelanggan selalu merungut kerana ketiadaan telur.

"Hairan juga ada pasar raya di Shah Alam yang meletakkan had pembelian telur untuk setiap satu keluarga, malah harga telur gred C meningkat daripada sekitar RM9 sepapan kepada RM11.90.

"Rasanya macam-makin susah nak dapatkan bekalan telur terutamanya menjelang Ramadan dan Syawal," katanya yang telah berniaga sejak dua tahun lalu.

Seorang lagi peniaga, Saharuddin Shaid, 52, berkata, ketiadaan bekalan telur ayam mengganggu perniagaannya apabila stok tersebut perlu dibahagikan kepada tiga gerai miliknya di sekitar Shah Alam.

Disebabkan isu tersebut, dia kini hanya mampu mendapatkan 180 hingga 200 biji telur ayam untuk perniagaannya berbanding 240 biji telur ayam sebelum ini.

Katanya, kenaikan harga barang mentah tersebut dan lain-lain turut mehurunkan hasil keuntungannya sebanyak 30 peratus.

"Telur adalah salah satu makanan pilihan ramai di gerai kerana harganya murah berbanding lauk lain. Bila telur tiada, pelanggan kurang untuk mengambil lauk lain kerana harganya lebih mahal.

"Kadang-kadang saya terpaksa pergi ke beberapa kedai untuk mendapatkan bekalan, itu pun bukan jumlah seperti yang diharapkan," katanya yang berniaga sejak 12 tahun lalu.

Daripada perspektif pengguna pula, Ahmad Fikri Mat Yusoff, 35, terpaksa membeli telur ayam jenis lain seperti telur organik yang lebih mahal berbanding telur biasa buat masa ini.

"Saya harap hal ini diselesaikan dan isu terputus bekalan makanan tidak berulang," katanya.

Perak jual ayam RM4 seekor melalui kedai bergerak

**IPOH** - Kerajaan negeri Perak melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) akan terus menjual ayam segar standard pada harga RM4 seekor menerusi Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) yang disediakan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, harga tersebut ditawarkan kepada orang ramai yang membeli barangan keperluan lain dengan nilai RM25 ke atas di kedai bergerak tersebut.

Menurutnya, jualan ayam mentah itu boleh dilaksanakan sekiranya bekalan ternakan tersebut mencukupi.

"Ja sesuatu yang baik dan pengguna boleh beli barang lain tapi ada tawaran untuk membeli ayam pada harga yang sangat murah.

"Saya yakin PPPNP boleh melakukannya dengan membuat tawaran yang sama dengan syarat ada ayam sebab mereka ternak ayam," katanya kepada

pemberita selepas Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak 2022 di Stadium Indera Mulia di sini pada Selasa.

Saarani turut mengulangi pendirian bahawa Perak tidak akan mengikut langkah kerajaan negeri Selangor untuk menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8 sekilogram.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya berkata, jualan ayam segar standard RM4 seekor itu dilaksanakan pada setiap jualan kedai bergerak di seluruh negeri.

Katanya, jualan ayam tersebut antara yang paling laris setiap kali diadakan jualan kedai bergerak di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

KBNP diperkenalkan semula oleh YBU bermula pada November tahun lalu yang menjual barangan keperluan harian dengan diskaun sehingga 15 peratus.



Saarani (tiga dari kanan) menunjukkan ayam segar standard yang dijual RM4 seekor kepada pelanggan KBNP ketika melawat kedai bergerak itu sempena Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak 2022 di Stadium Indera Mulia pada Selasa.

## Dedak mahal, lebih 200 penternak bakal gulung tikar

**BERUAS** - Harga dedak yang naik mendadak menyebabkan lebih 200 penternak di daerah Manjung, Perak berdepan risiko gulung tikar.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Perng berkata, kerajaan perlu mencari mekanisme terbaik dalam pemberian subsidi bagi mengelak penternak terus mengalami kerugian hingga jutaan ringgit sehari.

Menurutnya, perbelanjaan pembelian dedak diimport mempengaruhi 70 peratus operasi penternakan ayam.

"Harga dedak lebih RM80 satu beg seberat 50 kilogram sebelum ini dan sekarang RM120

hingga RM125, bergantung pada kuantiti dan jenama.

"Harganya meningkat RM1 dan RM2 setiap bulan dengan kenaikan keseluruhan sebanyak RM33 dalam tempoh dua tahun," katanya pada Selasa.

Wooi Perng berkata, apabila kerajaan memberi subsidi dedak, penternak boleh menjual ayam pada harga ladang iaitu RM5.60 sekilogram.

"Harga kawalan yang ditetapkan kerajaan sehingga Jun nanti tidak seimbang dengan kos di peringkat ladang sebanyak RM6.10 dan RM6.20 sekilogram.

"Sekiranya tiada bantuan mahupun subsidi daripada kerajaan, kami mampu bertaban

dalam tempoh dua bulan dan kira-kira 16 hingga 17 peratus pembekalan bahan mentah itu akan terjejas," katanya.

Ahli persatuan, Datuk Alex Ding Seng Huat berkata, kerajaan perlu melihat industri yang mengalami kekurangan pekerja asing akibat pandemik Covid-19.

"Kekangan tenaga kerja asing menjadi salah satu cabaran buat industri kami yang turut menakan kos operasi. Mana yang tinggal, tuntut gaji lebih tinggi pula.

"Kita berbut pekerja asing dengan kilang yang tawarkan gaji tinggi, manakala penduduk tempatan tidak mahu bekerja di sektor yang berbau busuk ini," katanya.

## KPDNHEP bincang bersama MAFI

**JERANTUT** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, satu perbincangan akan diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mencari penyelesaian segera bagi mengatasi masalah tersebut.

Menurutnya, pelbagai rungutan serta kebimbangan diluahkan oleh masyarakat susulan kekurangan bekalan telur di pasaran menjelang Ramadan dan Syawal nanti.

"Kita juga sedar dan ambil berat dengan mereka yang terlibat contohnya pengusaha biskuit raya yang memerlukan bekalan telur lebih banyak," katanya pada Selasa.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kerajaan masih belum mempunyai perancangan untuk memberikan subsidi dedak ayam kepada penternak dan pengeluar.

"Setakat saya tahu, tak ada lagi (untuk memberikan subsidi) di dedak kepada penternak dan pengeluar, tetapi kita tengah berbincang bagaimana untuk atasi masalah tersebut," katanya.

# Tenggiri jeruk dari resipi arwah ibu

Setelah setahun 'try and error' akhirnya berjaya hasilkan ikan tenggiri jeruk Surich dalam botol

Oleh RAHAYU MUSTAFA

BESUT

**K**egigihan seorang wanita mengusahakan produk ikan tenggiri jeruk menggunakan resipi arwah ibu akhirnya berbaloi apabila makanan tersebut mendapat sambutan hangat dari pelanggan di seluruh negara.

Lebih membanggakan, ikan tenggiri jeruk di bawah jenama Surich yang dikeluarkan oleh syarikat bumiputera, SM Rich Collection Enterprise itu turut dijual di rangkaian pasar raya besar di Terengganu, Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur.

Pemilikinya, Rosuzila Akma Mohamed Nor, 33, berkata, pembuatan ikan tenggiri jeruk mula dilakukan pada tahun 2018 selepas menyedari tidak ramai usahawan Muslim mengeluarkan produk tersebut dalam pasaran walaupun ada permintaan.

"Ketika itu, saya hasilkan pelbagai jenis ikan masin di kilang di Pekan, Pahang bersama suami Ahmad Fadzlan Yusof selepas kematian ibu menggunakan resipi arwah. Namun saya berdepan cabaran getir apabila ikan masin dihasilkan rosak dan tidak menjadi.

"Ini kerana cara proses ikan masin dalam kuantiti banyak di kilang jauh berbeza ketika buat di rumah dengan jumlah sedikit. Saya hampir putus asa namun nasihat dan kata-kata arwah ibu, Zainun Muda mendorong saya bangkit lebih kuat.

"Akhirnya saya mampu tangani masalah itu. Selepas mengolah resipi dan 'try



Rosuzila Akma bersama suami ketika menyertai program memperkenalkan produk keluaran Surich.



Ikan tenggiri jeruk Surich yang dihasilkan Rosuzila Akma menggunakan resipi arwah ibunya.

**S**aya hampir putus asa namun nasihat dan kata-kata arwah ibu, Zainun Muda mendorong saya bangkit lebih kuat."

'and error' selama lebih setahun, saya turut berjaya menghasilkan ikan tenggiri jeruk Surich dalam botol," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Rosuzila Akma, selepas berjaya memperoleh sijil perakuan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), produk keluarannya mula dipasarkan ke pasar raya dan mendapat sambutan baik dari pelanggan.

Beliau berkata, peningkatan pengeluaran produk berikutan permintaan tinggi pelanggan menyebabkan beliau mengambil keputusan berpindah ke sebuah kilang terletak di Lembaga Kemajuan

Ikan Malaysia (LKIM), Besut, Terengganu.

"Di sini, saya mendapat bantuan modal pusingan dari Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), bimbingan dari LKIM dan bantuan peralatan lalu saya memulakan proses pembuatan produk Surich secara manual," katanya.

Dibantu oleh empat orang pekerja, pengeluaran ikan tenggiri jeruk Surich kini lebih dari 1,000 botol sebulan.

Selain ikan tenggiri jeruk, Surich turut menghasilkan beberapa produk dari hasil laut lain iaitu sambal garing bilis, sambal garing tenggiri, sambal garing udang, bilis rangup pedas, tenggiri rangup pedas dan pes ikan bakar.

"Kelebihan ikan tenggiri jeruk Surich adalah kami hanya menggunakan ikan segar dengan perut dan insang dibuang serta dicuci sehingga bersih sebelum dijeruk menggunakan resipi istimewa.

"Hasilnya, ikan tenggiri jeruk kami yang halal tidak berbau hanyir, lebih sedap dan mampu buka selera dengan olahan pelbagai jenis masakan," katanya.

Rosuzila Akma turut merancang untuk mengembangkan lagi perniagaannya dengan sasaran semua produk keluaran Surich berada di seluruh pasar raya terkemuka seluruh negara selain menembusi pasaran antarabangsa.

Jelas beliau, syarikatnya sudah mengambil langkah awal dengan menyertai program cubaan pasaran di Ascan Mall Pattani, Thailand sebanyak tiga kali sejak tahun 2019 dengan aktiviti terbaharu pada Disember lalu.

"Alhamdulillah, produk keluaran Surich mendapat sambutan menggalakkan setiap kali kita menyertai program tersebut. Sekarang, saya dalam proses mendaftar produk Surich dengan ThaiFDA agar dapat dipasarkan di sana," katanya.



Rosuzila Akma menunjukkan ikan tenggiri jeruk keluaran syarikatnya.



## Rugi RM4 juta sehari

Penternak rayu subsidi dedak  
tampung kos operasi meningkat

Oleh Noor Hidayah  
Tanzidi  
am@hmetro.com.my

### Manjung

Penternak ayam di daerah ini menanggung kerugian jutaan ringgit dan berdepan risiko gulung tikar susulan terbeban dengan kos operasi yang semakin meningkat terutama kenaikan harga dedak ketika ini.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung Tan Wooli Perng berkata, mereka berdepan kenaikan harga makanan ayam setiap bulan dengan keseluruhan RM33 dalam tempoh dua tahun, selain kekangan tenaga kerja asing di ladang ternakan dan kos bekalan elektrik bagi reban sistem tertutup.

Katanya, kawalan harga ditetapkan kerajaan bagi harga ladang untuk sekllog-



Harga ladang ditetapkan RM5.60 tetapi harga kos operasi adalah RM6.10 dan RM6.20 sekilogram, itu belum termasuk kos lain lagi. "Pengeluaran ayam adalah dua juta sehari dan kami menanggung kerugian RM2 untuk sekor ayam, jadi sehari rugi RM4 juta," katanya ketika ditemui di Ayer Tawar, di sini, semalam.

Tan

ram ayam adalah RM5.60 bermula Disember lalu hingga Jun depan menyebabkan mereka menanggung kos operasi membekalkan.

"Harga dedak ayam meningkat sejak pandemik Covid-19 dari RM80 satu beg menjadi RM120 hingga RM125 bergantung kepada kuantiti dan jenama. Sekor ayam seberat dua kilogram (kg) memerlukan empat kg makanan bagi tempoh 35 hari mencapai tempoh matang untuk dijual.

"Harga ladang ditetapkan RM5.60 tetapi harga kos operasi adalah RM6.10 dan RM6.20 sekilogram, itu belum termasuk kos lain lagi.

"Pengeluaran ayam adalah dua juta sehari dan kami menanggung kerugian RM2 untuk sekor ayam, jadi sehari rugi RM4 juta," katanya ketika ditemui di Ayer Tawar, di sini, semalam.

Tan berkata, justeru pi-

haknya berharap kerajaan memberikan subsidi dedak kerana perbelanjaan makanan meliputi 70 peratus kos pengoperasian ternakan.

Katanya, apabila kerajaan membantu memberi subsidi, penternak boleh menarik nafas lega untuk menjual ayam pada harga ladang yang ditetapkan iaitu RM5.60.

Sementara itu, ahli persatuan yang juga Pengarah Urusan Harumi Brands Sdn Bhd, Datuk Alex Ding Seng Huat berkata, dia berharap kerajaan menyegerakan pemberian subsidi dan mencari formula terbaik dalam isu berkenaan supaya penternak tidak terus menanggung kerugian.

Menurutnya, kawalan harga ayam perlu diselaraskan dengan harga dedak dan tiada kenaikan harga makanan haiwan itu supaya ia lebih adil kepada penternak.

## Singgah banyak kedai supaya bekalan cukup

**Kota Kinabalu:** Orang ramai mendakwa membeli telur dari kedai berasingan berikutan jualan yang dihadkan kepada pelanggan berikutan masalah kekurangan bekalan.

Pekerja kantin, Suhana Jamal, 22, berkata, dia pergi ke beberapa kedai semata-mata memastikan bekalan telur mencukupi bagi memenuhi keperluan.

"Banyak kedai atau pasar raya hanya membenarkan pelanggan membeli satu papan telur dalam satu-satu masa.

"Tetapi saya perlu telur sekurang-kurangnya lima papan sehari, malah bertambah dua kali ganda apabila ada tempahan catering.

"Adakalanya saya datang awal sekitar jam 8 pagi untuk berbelanja kerana be-

kalan telur pasti cepat habis," katanya.

Ibu dua anak, Magdelina Joseph, 43, berkata, walaupun hanya membeli telur ayam untuk kegunaan sendiri, namun tetap rasa kenaikan harga di pasaran.

"Telur keperluan wajib di rumah, malah saya pasti membeli satu papan telur setiap minggu kerana anak suka makan pelbagai menu berasaskan telur.

"Saya menyedari harga telur semakin mahal sejak awal tahun ini. Ia bukan sahaja mahal, tetapi ada masa kehabisan bekalan.

"Contoh, telur gred B sebelum ini berharga sekitar RM10 sepapan, namun sekarang mencecah RM14. Kenaikan ini tentu memberi kesan kepada pengguna," katanya.

## Pengedar hadkan belian pemborong

**Kajang:** Penawaran telur pelbagai gred di pasaran masih terhad susulan pengedar mengehadkan jumlah belian kepada pemborong dan peniaga.

Tinjauan di beberapa kedai dan pemborong di bandar ini semalam, mendapati bekalan ada, namun terhad.

Pemborong bahan mentah itu berkata, pengedar hanya menghantar sekali seminggu bekalan telur. Menurutnya, penghantaran itu terhad kerana mereka mendakwa perlu berlalu adil untuk pemborong dan peruncit lain.

"Apabila bekalan terhad, kami hanya boleh order seminggu sekali untuk telur dinantar.

"MARGIN untung bagi satu papan telur sangat rendah berbanding sebelum ini wa-

lupun harga bekalan naik sedikit," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Abdul Khalid Ahmad berkata, bekalan telur terhad sejak sebulan lalu.

Menurutnya, harga meningkat susulan kenaikan harga dedak ayam dan mempengaruhi harga bahan mentah itu.

"Saya jual telur gred C saja dan permintaan tetap tinggi. Di harap masalah ini diatasi segera supaya bekalan dan harga kembali stabil," katanya.

Permintaan mendadak terhadap barangan terawal seperti ayam mentah, telur dan minyak masak menyebabkan penawaran terhadap barangan berkenaan tidak mencukupi di pasaran, khususnya sempena Tahun Baharu Cina pada minggu lalu.

## Pembelian panik jejas telur di pasaran

**Kuala Terengganu:** Masalah kekurangan bekalan telur di peringkat peruncitan dikenal pasti berikutan pembelian secara panik dilakukan orang ramai.

Pengurus syarikat pemborong telur, Jason Tan berkata, pihaknya mengedarkan 12,000 papan mengandungi 360,000 telur pelbagai saiz setiap minggu kepada peruncit.

Katanya, pengedaran telur di peringkat peruncitan termasuk ke pasar raya tidak dilakukan sekali gus, sebaliknya dihantar berpe-

ringkat setiap hari.

"Kaedah penghantaran bekalan telur secara berperingkat setiap hari dibuat bagi mengatasi masalah ketidadaan telur.

"Ia sekaligus dapat memastikan bekalan sentiasa ada di peringkat peruncitan," katanya ketika ditemui di gudangnya di Kampung Gong Kiat, Ke-

pong di sini, semalam.

Pada masa sama, Jason mengakui bekalan telur ayam terjejas berikutan syarikat pengeluaran memotong pesanan telur.

"Kami memesan telur daripada beberapa syarikat pengeluaran utama sebanyak 15,000 papan yang mengandungi 450,000 telur seminggu.

Tetapi syarikat pengeluaran hanya menghantar 12,000 papan mengandungi

360,000 telur seminggu," katanya.

Justeru, katanya, pihaknya juga terpaksa memotong tempahan yang dibuat oleh pengusaha pasar raya dan di peringkat peruncitan.

"Jika dinilai dengan jumlah penghantaran setiap minggu, bekalan telur tidak terjejas di peringkat peruncitan.

"Pembelian secara panik oleh masyarakat punca utama bekalan telur terjejas dan tidak mencukupi," katanya.

"Syarikat pengeluaran hanya menghantar 12,000 papan telur Jason Tan"



ABDUL Khalid menyusun telur yang dijual di kedainya



KRISIS bekalan telur ayam dijangka berlarutan menjelang Ramadan pada April ini sekiranya tidak jalan penyelesaian.

FLFAM saran kenaikan 5 sen bagi semua gred

## Bekalan telur bakal susut 3 juta sehari

Oleh DIYANATUL ATIQA  
ZAKARYA

**MELAKA** – Kerajaan disaran menaikkan harga 5 sen sebiji telur bagi semua gred secepat mungkin bagi mengelak negara mengalami krisis kekurangan bekalan sehingga 90 juta barangan itu menjelang Ramadan ini.

Timbalan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Lee Yoon Yeau berkata, cadangan itu merupakan penyelesaian jangka masa pendek paling efektif memandangkan hanya berbaki 52 hari lagi sebelum umat Islam berpuasa.

Menurutnya, bekalan telur dijangka terus berkurangan mencecah tiga juta biji sehari berikutan peladang ayam penelur kini berdepan dengan kenaikan kos operasi yang tidak seimbang dengan harga pasaran.

"Sebelum ini kita mengesyorkan tiga kaedah iaitu subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam penelur, menentukan harga ikut pasaran dan kenalkan 5 sen bagi telur gred A, B dan C.

"Sekiranya mahu memastikan bekalan telur mencukupi men-



YOON YEAU

jelang Ramadan dan perayaan Aidilfitri, kaedah paling efektif adalah menaikkan harga 5 sen supaya peladang dapat tampung kos operasi terutamanya dedak ayam," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, biarpun kerajaan memperuntukkan subsidi khas, pihaknya khuatir pelaksanaan itu akan mengambil masa lama.

"Saya yakin pemberian subsidi akan mengambil masa kerana perlu menyediakan formula pembayaran kepada peladang.

"Sekiranya kadar 5 sen dinaikkan serta-merta, semua peladang akan dapat bernafas semula," ujarnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan bekalan telur ayam negara dijangka berkurangan sehingga tiga juta biji sehari menjelang Ramadan pada April ini.

Pengurangan sehingga 10 peratus itu berpunca daripada peningkatan kos peneluran termasuk pembelian dedak import yang tidak seimbang dengan harga pasaran sebiji telur di bawah kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Peladang mendakwa terpaksa menjual ayam penelur lebih awal sebelum dapat menghasilkan jumlah maksimum 330 biji bagi seekor ayam.

Pada 31 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan harga telur ayam semua gred kekal iaitu 44 sen (Gred A), 42 sen (Gred B) dan 40 sen (Gred C) di Semenanjung, manakala Sabah, Sarawak dan Labuan harganya bergantung mengikut kawasan. Pelaksanaan harga itu berkuat kuasa 5 Februari hingga 5 Jun depan.

# Nasib 1,500 penternak bagai 'telur di hujung tanduk'

**ALOR GAJAH:** Nasib 1,500 penternak ayam penelur bagaikan 'telur di hujung tanduk' selepas menanggung kerugian sekitar RM30 juta sehari, susulan penetapan harga telur bawah kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), bulan lalu.

Timbalan Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Lee Yoon Yeau berkata, sehingga kini kumpulan peladang belum menerima subsidi dijanjikan, meskipun telur kini dijual pada harga 40 hingga 44 sen sebiji di peringkat runcit.

Katanya, susulan itu beberapa pembekal kecil 'gulung tikar' kerana tidak mampu menanggung kos kerugian mencecah 10 sen bagi sebiji telur.

"Sebenarnya peladang ayam penelur telahpun menanggung kerugian sejak dua tahun lalu akibat Covid-19.

"Kami belum dengar apa-apa berita daripada kerajaan mengenai subsidi dijanjikan setelah menetapkan harga runcit baharu yang mengakibatkan peladang rugi sehingga 10 sen bagi setiap biji telur," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, peladang tersebut



**LEE Yoon Yeau memeriksa telur ayam yang dikeluarkan kilangnya di Masjid Tanah, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA**

mengeluarkan kira-kira 31 juta telur sehari dengan kos pengeluaran sebiji adalah antara 36 sehingga 40 sen mengikut ladang.

Tambahnya, beberapa pemilik ladang juga terpaksa menggadai harta benda termasuk kediaman untuk memastikan survival syarikat masing-masing.

"Kami memang dah tak boleh

bertahan, ada yang sampai menjual rumah dan tanah semata-mata mengenangkan telah menjalankan perniagaan ini lebih 40 tahun.

"Kami meneruskan perniagaan atas ihsan pembekal dan bank yang memberikan masa untuk melunaskan tunggakan hutang," katanya.

# Bekalan telur terputus di Teluk Intan

Oleh AIN SAFRE BIDIN dan  
NUR AMALINA AZMAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Masalah bekalan telur terus menghantui pengguna di kebanyakan tempat di negara ini. Di Teluk Intan, Perak peniaga kedai runcit di Kampung Bahagia, Hock Heng berkata, setiap hari dia terpaksa berdepan dengan rungutan pelanggan yang bertanyakan tentang jualan telur.

Katanya, dia telah berusaha menerangkan kepada pelanggan mengenai kesukaran untuk mendapatkan bekalan telur namun tetap diajukan soalan yang sama setelah pelanggan hampa untuk membeli telur.

"Ramai pelanggan bertanya tentang kekurangan bekalan telur, jadi saya terpaksa memberitahu perkara sebenar malahan jika saya menampal poster ketiadaan bekalan telur sekali pun, pelanggan tetap bertanya.

"Saya terangkan kepada mereka keadaan sebenar supaya peniaga seperti saya tidak dipersalahkan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, telur yang ada pun hanya gred B dan C manakala gred A sukar untuk diperolehi.

Sementara itu di Langkawi penduduk terputus bekalan telur di pasaran selepas permintaan tinggi semasa perayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Seorang pemilik kedai runcit, Aripah Yaacob, 54, berkata, dia tidak mendapat bekalan telur yang cukup sejak cuti perayaan Tahun Baharu Cina lalu.

"Biasanya, kami menerima



**HOCK Heng menunjukkan kotak telur yang kosong di kedainya di Teluk Intan Perak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN.**

2,880 biji telur bagi setiap penghantaran setiap minggu, tetapi bekalan tersebut mula berkurangan pada Disember," katanya.

Peniaga kedai makan, Mohd. Hannan Hanif Abdul Halim, 33, berkata, dia tidak dapat menjual sebahagian menu di kedainya kerana ketiadaan bekalan telur. "Saya sebagai peniaga akan kerugian sekiranya masalah bekalan

telur ayam berlarutan dalam tempoh yang lama," ujarnya.

Pengguna, Rozalina Zainol, 34, pula berkata, dia telah pergi ke beberapa buah kedai di sekitar sini tetapi tidak berjaya membeli telur kerana telah kehabisan bekalan. "Saya bukannya hendak beli banyak pun, nak cari sepan dimasak sebagai lauk harian," ujarnya.



## Pembelian panik jejas bekalan di Terengganu

**Kuala Terengganu:** Pembelian panik oleh pengguna antara punca utama kekurangan bekalan telur ayam di negeri ini.

Tinjauan mendapati telur masih ada, tetapi pembekal memotong jumlah tempahan.

Pengurus syarikat pemborong telur, Jason Tan, berkata pihaknya mengedarkan 360,000 biji telur ayam pelbagai saiz kepada peruncit setiap minggu.

Beliau berkata, pengedaran pada peringkat runcit, termasuk ke pasar raya tidak dilakukan secara sekali gus, sebaliknya secara berperingkat setiap hari.

Katanya, bekalan terjejas kerana pengeluar memotong tempahan asal, iaitu 450,000 biji seminggu.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, ada pengguna terpaksa membeli telur dengan harga tinggi sedikit kerana kekurangan bekalan.

Tinjauan di pasar raya mini di sini mendapati, bekalan telur ayam gred B dan C hanya 100 papan sebari sehingga peruncit menghadkan pembelian satu papan untuk seorang pengguna.

Pekerja kantin, Suhana Jamal, 22, berkata dia terpaksa pergi ke beberapa kedai dan pasar raya berasingan untuk membeli bekalan telur mencukupi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Sabah pula mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, semalam bagi mengetahui stok telur ayam.

Pengaruhnya, Georgie Ahas, berkata bekalan bergantung kepada penternak.

# 'Pastikan telur ayam cukup ketika Ramadan, Syawal'

## KPDNHEP sedia bincang dengan MAFI cari jalan penyelesaian

Oleh Roselan Ab Maiek dan Nozamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Jerantut:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mencari penyelesaian bagi memastikan bekalan telur ayam mencukupi menjelang Ramadan dan Syawal.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata antaranya ialah perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menentukan jumlah stok yang akan dikeluarkan dalam tempoh beberapa bulan mendatang.

"Kita akan memastikan isu ini dapat diselesaikan supaya tidak timbul sebarang masalah pada masa akan datang.

"Jadi, kita akan bincang untuk atasi situasi ini supaya isu harga dan bekalan tidak menjadi masalah," katanya, di sini semalam.

Beliau berkata, agensi kerajaan sedar usahawan seperti pengusaha biskuit yang memerlukan bekalan telur yang banyak, berbanding pengguna isi rumah.

Katanya, ini akan meningkatkan permintaan beberapa bulan sebelum Syawal bagi memenuhi keperluan pengusaha makanan, berbanding penggunaan biasa



Rosol (dua dari kiri) melihat produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dijual di sebuah stesen minyak di Batu Balai, Jerantut, semalam. (Foto Roselan Ab Maiek/BH)

30 juta biji telur sehari.

Menyentuh isu kenaikan harga dedak ayam pula, Rosol berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membekalkan daging ayam import bagi menstabilkan harga daging ayam di pasaran.

"Saya difahamkan setakat

ini, sebanyak 29 permit daging ayam import sudah dikeluarkan," katanya.

Sementara itu di Shah Alam, kerajaan Selangor dalam proses rundingan dengan pembekal telur ayam, bagi menurunkan harga menjelang Ramadan dan Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim, berkata isu itu perlu ditangani kerana jika harga ayam naik, harga telur akan turut naik.

"Selain ayam, kekurangan bekalan telur akan kita hadapi apabila mahu menurunkan harga kerana pembekal dijangka memilih untuk menjualnya ke tempat lain.

"Kita membantu pembekal dari segi sewaan tapak (ladang ternakan) dan makanan ternakan supaya mereka boleh membekalkan telur ayam pada harga berpatutan," katanya di sini.



Isu itu perlu ditangani kerana jika harga ayam naik, harga telur akan turut naik

Izham Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor

## Penternak harap segera beri subsidi dedak ayam

**Manjung:** Penternak ayam menanggung kerugian dan berdepan risiko gulung tikar, susulan terbeban dengan kos operasi semakin meningkat, terutama kenaikan harga dedak.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooli Perng, berkata mereka berdepan dengan kenaikan harga makanan ayam setiap bulan, iaitu RM33 dalam tempoh dua tahun, selain kekangan tenaga kerja asing di ladang dan kos bekalan elektrik, bagi reban sistem tertutup.

Katanya, kawalan harga ditetapkan kerajaan bagi harga ladang untuk sekilogram ayam ialah RM5.60 bermula Disember lalu hingga Jun ini, menyebabkan mereka terpaksa menang-

gung kos operasi yang tinggi.

"Harga dedak ayam meningkat sejak pandemik COVID-19 daripada RM80 satu beg kepada RM120 hingga RM125.

"Seekor ayam seberat dua kilogram (kg) memerlukan 4kg makanan bagi tempoh 35 hari sebelum mencapai tempoh matang untuk dijual. Harga ladang RM5.60, tetapi harga kos operasi RM6.10 dan RM6.20 sekilogram. Itu belum masuk kos lain lagi," katanya semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Beruas, Datuk Ngeh Koo Ham.

Wooli Perng berkata, penternak berharap kerajaan dapat memberikan subsidi dedak ayam kerana perbelanjaan ma-

kakan meliputi 70 peratus kos ternakan ayam.

Sementara itu, ahli persatuan yang juga Pengarah Urusan Harumi Brands Sdn Bhd, Datuk Alex Ding Seng Huat, berkata dia berharap kerajaan dapat menyaerakan subsidi dan menyelesaikan isu berkenaan supaya penternak tidak terus menanggung kerugian.

Katanya, kawalan harga ayam perlu diselaraskan dengan harga dedak dan sepatutnya tiada kenaikan harga makanan ayam supaya lebih adil kepada penternak.

"Kita ada mendengar subsidi mahu diberikan sejak Disember lalu, tetapi sehingga kini tidak tahu apa statusnya," katanya.

Wooli Perng menunjukkan harga ayam yang ditetapkan sehingga Jun ini. (Foto Noor Hidayati Tanzi/BH)



# Telur kurang setiap kali musim perayaan

Rakyat  
sudah bosan  
permainan  
'wayang' pihak  
tertentu mahu  
kaut untung



BEKALAN telur ayam di seluruh negara dijangka mengalami pengurangan menjelang bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

ISU kekurangan bekalan telur ayam setiap kali menjelangnya musim perayaan didakwa sengaja dicituskan pihak-pihak tertentu semata-mata untuk mengaut keuntungan dengan menjadikan peningkatan kos operasi termasuk kenaikan harga dejak sebagai alasan.

Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia (PPPM), Prof. Dr. Fatimah Daud berkata, senario itu bukanlah isu baharu, sebaliknya menjadi seperti trend setiap kali menjelang musim perayaan termasuk bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. "Rakyat sebenarnya sudah menyampah kerana

tiap kali tibanya musim perayaan, ada sahaja bekalan barang yang kurang termasuk telur sehingga menyebabkan kenaikan harga. Akibatnya, rakyat yang menjadi mangsa," kata Dr. Fatimah kepada Kosmo! semalam.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2 & 3

## Rakyat mula bosan, bekalan telur sentiasa kurang menjelang sambutan hari raya Isu sama tiap kali musim perayaan

Oleh MOHD, YUNUS YAKKUB dan  
NOOR HASLIZA NUSI

**SHAH ALAM** - Gangguan bekalan keperluan termasuk telur ayam setiap kali menjelang musim perayaan boleh dianggap sebagai skrip berulang dan didakwa hanya sebagai 'wayang' oleh pihak tertentu dalam mencetuskan ketidakpastian pasaran sehingga berlakunya kenaikan harga.

Situasi itu turut menimbulkan pelbagai tanggapan sehingga mencetuskan kemarahan dalam kalangan rakyat mengenai 'permainan' golongan pemonopoli terhadap bekalan makanan di negara ini.

Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia (PPPM), Prof. Dr. Fatimah Daud berkata, perkara tersebut bukanlah satu isu baharu kerana permasalahan tersebut memang akan berlaku terutamanya menjelang sambutan perayaan besar seperti bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

Dakwanya, keadaan itu turut menunjukkan seolah-olah ada pihak yang cuba membuli dan mendesak kerajaan dalam isu harga barangan.

"Rakyat sebenarnya sudah menyampah kerana setiap kali musim perayaan, ada sahaja bekalan kurang, harga naik dan sebagainya yang menjejaskan kehidupan seharian mereka.

"Tidak cukup dengan masalah Covid-19, telur pula dikatakan berkurangan pada Ramadan nanti. Tanyalah mana-mana isi rumah, adakah mereka mampu bertahan dengan isu sama sedangkan telur adalah keperluan



DR. FATIMAH

utama rakyat kita," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Terdahulu, bekalan telur ayam negara dilaporkan bakal mengalami pengurangan sehingga tiga juta biji sehari menjelang Ramadan pada April depan.

Pengurangan sehingga 10 peratus itu berpunca daripada peningkatan kos penuliran termasuk pembelian dedak import yang tidak seimbang dengan harga pasaran sebilik telur di bawah kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Dalam pada itu, Fatimah turut mempersoalkan tahap sekuriti makanan negara dan keseriusan pihak kerajaan dalam menangani isu berkenaan.

Ujarnya, Malaysia yang mempunyai pelbagai sumber seharusnya memfokuskan kepada industri pertanian seperti Thailand berbanding lebih kepada negara perindustrian.

"Sedangkan keperluan makanan kita pun masih gagal, kenapa mengejar kepada industri lain. Lebih malang, apabila berlaku kekurangan (bekalan te-



MALAYSIA mengalami kekurangan bekalan telur sejak awal tahun ini didakwa berpunca daripada kos operasi yang semakin meningkat.



KERATAN *Kosmo!* 26 Januari 2022.

lur dan ayam), sikit-sikit import dan buka permit import (AP).

"Sudah berulang kali kajian dilakukan sebelum ini, saya nyatakan dalam Majlis Profesor Negara (MPN) perlu ada perubahan pendekatan dalam industri pertanian. Jangan sekadar diam sahaja dan tertekan dengan mereka yang monopoli ayam (termasuk

telur) ini, sebaliknya bertindak pecahkan monopoli," katanya.

Jelas beliau, kerajaan seharusnya mewujudkan penternakan ayam dan ayam penelur berkelompok di kawasan kampung selain memudahkan pinjaman bagi tujuan tersebut.

"Kita antara pengeluaran kelapa sawit terbesar dengan bahan seperti hampas boleh digunakan untuk makanan ayam selain hampas sagu. Kerajaan juga perlu wujudkan semula sebuah institusi teras pertanian sama ada kolej atau universiti agar sektor pertanian kita berjaya," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, kerajaan

perlu mengukut bahawa situasi sebenar sekuriti makanan dan keperluan untuk mengubah suai dasar-dasar baharu bagi memastikan kelestarian keperluan makanan negara.

"Bekalan telur ini isu global. Kajian dan perbincangan telah dilakukan CASSA bersama pihak berkepentingan bahawa bekalan ayam dan telur akan jadi teruk dan tidak ubah seperti kanser dalam industri," katanya.

*Kosmo!* pada 26 Januari lalu melaporkan bekalan telur ayam di seluruh negara kini bukan sahaja semakin berkurangan, malah kebanyakan pasar raya serta kedai runcit berdepan masalah kehabisan stok sehingga rak menjadi kosong.

## Harga dedak makin mahal jadi alasan paling 'selamat'

**GEORGE TOWN** - Isu bekalan telur ayam negara yang dijangka berkurangan menjelang Ramadan kelak kononnya disebabkan peningkatan kos dan pembelian dedak import dilihat sebagai 'wayang' oleh pihak tertentu untuk menaikkan harga barangan keperluan itu.

Pegawai Penyelidik, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N. V. Subbarow berkata, ini kemungkinan dianggap sebagai alasan 'selamat' pihak terbabit rentetan trend kenaikan harga pelbagai barangan keperluan lain sejak ke-



SUBBAROW

belakangan ini.

Menurutnya, pihak pengeluar barangan asasi itu perlu menun-

jukkan bukti kenaikan mendadak harga makanan ruminan import termasuk cukai pembelian yang dikenakan untuk dianalisa dan bukannya sekadar memberi alasan pokok.

"Ini macam satu penyakit. Harga barang akan naik setiap kali menjelang perayaan.

"Siapa pun tak boleh tahan dengan isu kenaikan barangan keperluan ini.

"Tunjuk bukti cukai kenaikan dedak import itu, kerajaan mungkin boleh bantu menyelesaikannya.

"Tidak perlu import dedak

dari luar negara.

"Semua orang boleh bercakap dan beri alasan kenapa berlakunya kenaikan kos.

"Jangan bebankan pengguna lagi. Ketika ini ramai rakyat terkesan termasuk hilang kerja akibat pandemik, waktu ini jugalah hendak beri alasan telur dijangka berkurangan menjelang perayaan sehingga terdesak nalkkan harga," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Dalam pada itu katanya, pihak penternak ayam penelur mahupun persatuan sepatutnya

berbincang dengan pihak kerajaan dan persatuan pengguna bagi mencari penyelesaian masalah ini.

"Kerajaan tidak sepatutnya memberi lampu hijau kepada pihak terbabit berhubung pelaksanaan subsidi telur kerana bimbang menandatangani kemudharatan seperti bekalan minyak masak peketa bersubsidi.

"Sekiranya harga telur masih tinggi, pengguna mempunyai kuasa untuk membekalkan pembelian telur. Kita makan sahaja makanan lain," tegasnya.